



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

SIARAN MEDIA

YKN TERIMA SUMBANGAN KORPORAT BERJUMLAH RM250,000.00

PUTRAJAYA, 29 DIS – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) telah menerima sumbangan korporat berjumlah RM250,000.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM150,000.00 telah disumbangkan melalui zakat Pharmaniaga dan RM100,000.00 telah disumbangkan oleh Ronald McDonald House Charities, Malaysia (RMHC).

Sumbangan korporat daripada zakat Pharmaniaga disampaikan oleh Encik Mohamed Iqbal Abdul Rahman, *Deputy Managing Director*, Pharmaniaga manakala sumbangan daripada RMHC telah disampaikan daripada Encik Nasri bin Nordin, Pengurus Besar, RMHC kepada YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) selepas Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YKN di Bangunan KPWKM, Putrajaya.

“Sumbangan yang diterima daripada RMHC ini akan diberikan kepada 50 buah rumah anak yatim yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh Negara bagi membantu dari segi kebajikan di rumah anak-anak yatim. Manakala sumbangan zakat Pharmaniaga pula ianya diberikan kepada golongan asnaf yang memerlukan bagi membantu meringankan beban yang ditanggung oleh mereka”. Ujar Rina Mohd Harun di majlis tersebut.

Hadir sama YBhg. Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Puan Yang Fairuz Abdul Aziz, Pengarah Perkhidmatan Korporat, Pharmaniaga, Puan Shamsidar Yahya, Pengarah Komunikasi Korporat, McDonald’s Malaysia, dan YBr. Puan Nordina Haron, Yang Menjalankan Tugas Ketua Pegawai Eksekutif YKN.

YKN sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan mana-mana pihak sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN melaksanakan projek membantu golongan yang memerlukan.

Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

Nama Akaun	Yayasan Kebajikan Negara Malaysia	
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Bank Berhad
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284

Disediakan oleh:
Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara
Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
03-8323 2437/2420